

PERTANDINGAN GERAI SEMPENA MAJLIS RUMAH TERBUKA HARI RAYA AIDILFITRI 2013

PERINGKAT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Oleh : Puan Winnie Edward Alau

Bertemakan 'Hari Raya di Padang Pasir', Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial sekali lagi menjadi Johan dalam Pertandingan Gerai Terbaik dan juga memenangi undian Gerai Paling Popular sempena Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri 2013 Peringkat Universiti Malaysia Sabah yang telah diadakan pada 28 Ogos 2013 bertempat di Dewan Kuliah Pusat 2. Sebelum ini, SPKS juga pernah menjadi Johan dalam Pertandingan Gerai Terbaik (bertemakan Jawa) sempena sempena Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri 2012 Peringkat Universiti Malaysia Sabah. Kejayaan ini merupakan kejayaan yang bersejarah bagi semua warga SPKS kerana telah menjadi Johan dua tahun berturut-turut.

Bagi menyokong Eco-Campus, SPKS telah menghasilkan seekor Unta sebagai simbolik bagi tema 'Hari Raya di Padang Pasir' yang hanya diperbuat daripada bahan-bahan terpakai dan menjadi tumpuan semua pengunjung. Hasil idea ini merupakan idea asal oleh Dekan SPKS iaitu Prof. Madya Dr. Murnizam Hj. Halik dan telah direalisasikan oleh kakitangan SPKS yang diketuai oleh Puan Norlizah Matshah. Pakaian Bangsawan Arab ini adalah hasil usaha, kreativiti dan gabungan pendapat daripada kakitangan SPKS. Kesibukan dengan tugas dan tanggungjawab masing-masing tidak menghalang kami untuk membuat persediaan dalam menyertai pertandingan ini walaupun tempoh persiapan yang singkat kerana dalam masa yang sama kami juga menjadi wakil UMS dalam Pertandingan Gerai sempena Majlis Rumah Terbuka peringkat Persekutuan Negeri Sabah yang telah diadakan pada 26 Ogos 2013. Kerjasama dan 'satu hati' adalah rahsia bagi kemenangan Sekolah Psikologi dan kerja Sosial. Tahniah diucapkan kepada semua kakitangan SPKS.




Dekan meraih kemenangan bersama kakitangan



Sesi Temuramah RTM bersama Prof. Madya Dr. Murnizam Hj. Halik, Dekan SPKS



Ya Habibi..Ali Baba...



Unta SPKS



Gerai Sekolah Psikologi dan kerja Sosial yang bertemakan Raya di Padang Pasir



Wanita-wanita SPKS



Sesi Lawatan oleh Naib Canselor UMS



tj@UMS photography

Yeahhh!..